## Aplikasi Mudah Alih

SMART MPKLANG (SALURAN MAKLUMAT RAKYAT MAJLIS PERBANDARAN KLANG)

1. SMART-MPKlang 2.0

SMART-MPKlang adalah platform digital bersepadu dalam menyalurkan maklumat dan menghubungkan Majlis Perbandaran Klang dengan penduduk dan pihak berkepentingan.

SMART-MPKlang menjadi dimensi baru dalam menyampaikan maklumat menggunakan (Chatbot) sebagai pembantu peribadi Maya untuk menyampaikan maklumat.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang-orang yang memaklumkan hubungan yang lebih erat antara orang dan majlis.

2.Smart parking

Memperkenalkan Kaedah meletak kereta tanpa kupon (smart parking) bagi memudahkan pembayaran tempat letak kereta di kawasan pentadbirannya

3. uADU-iVIEW

Aplikasi uADU-iVIEW ini menjadikan aduan lebih mudah dihantar, lokasi aduan cepat dikesan dan maklumbalas dapat diberi dengan cepat dan secara automatik kepada pengadu sekiranya aduan tersebut bukan dibawah tindakan pihak Majlis.

.

4. Locomole

Aplikasi ini membantu pelancong untuk menerokai laluan(trail) Royal Klang Town Heritage Walk (RKTHW) dengan lebih berkesan seterusnya menambah jumlah peserta dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa .

.

QR3 — QR TREES SYSTEM

5. QR3

Sistem kod QR pokok ini merupakan satu platform untuk mendapatkan maklumat asas pokok seperti nama saintifik, nama tempatan, ketinggian, ukur lilit dan keluarga pokok dengan menggunakan perisian imbasan QR yang boleh dimuat turun dari Google Play dan App Store. Sistem ini sangat mesra pengguna dan disediakan secara percuma oleh Majlis Perbandaran Klang.

6. SmartCheck

Kaedah semakan status Sijil Layak Menduduki (CF) atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) melalui aplikasi 'Google Maps' dan maklumat asas berkaitan ubahsuai rumah.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

# DIGITAL MALL

## CONNECT TO MPKLANG

www.mpklang.gov.my

SMART MPKLANG

SMART ENGAGEMENT

Smart-Parking

OSC ONLINE

Smart Check

PasarTap GO FRESH & LOCAL

ADUAN

ecoGen

uAdu iView

reco recycle cooking oil

LOCO MOLE

## Aplikasi Web

1. Laman Web – www.mpklang.gov.my

Merupakan laman web rasmi Majlis Perbandaran Klang di mana membolehkan Majlis Perbandaran Klang menyalurkan maklumat dengan pantas untuk pengetahuan semua.

### ADUAN

2. Aduan – http://aduan.mpklang.gov.my/

Adalah saluran atas talian untuk menguruskan aduan, pertanyaan serta cadangan daripada orang awam berkenaan perkhidmatan Majlis Perbandaran Klang.

### SMART ENGAGEMENT

3. Smart Engagement – https://smart-engagement.mpklang.gov.my/admin/users/login

Merupakan komunikasi dua hala diantara pihak Majlis yang diwakili oleh Yang DiPertua dan pihak pengurusan dengan pelanggan-pelanggan Majlis. Melalui komunikasi ini pelanggan dapat mengajukan permasalahan / apa sahaja urusan mereka secara terus kepada pihak pengurusan tertinggi Majlis. Manakala pengurusan tertinggi dapat mendegar keluhan / masalah / pandangan seterusnya dapat membuat keputusan yang responsive.

4. Ecogen – https://kitarsemula.mpklang.gov.my/.

Sistem digital sebagai pemudahcara urusan rekod dan dokumentasi pengurusan alam sekitar.
Ia bertindak sebagai pengkalan data, sumber rujukan rekod barangan kitar semula oleh penduduk, Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

5. Reco – http://reco.mpklang.gov.my/

RECO (Recyle Cooking Oil) membantu dalam pengurusan data maklumat kutipan minyak masak terpakai dengan lebih sistematik. Melalui sistem ini peniaga dapat mengetahui status pencapaian kutipan minyak masak secara individu dan juga dapat membandingkan pencapaian kutipan di kalangan peniaga lain.

6. PasarTap

Layari laman web www.smartselangorpasar.com dan nikmati barangan keperluan masakan dan dapur anda dengan harga yang berpatutan dari Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan dan Kompleks Pasar Besar, Meru Klang. Selain penjimatan wang, anda juga dapat menjimatkan masa dan tenaga!
Jom membeli belah di www.smartselangorpasar.com sekarang!

7. OSC Online - http://osconline.mpklang.gov.my

OSC Online merupakan sebuah sistem elektronik untuk membuat dan memproses permohonan untuk projek-projek kawalan PBT. Ia juga merupakan pusat sehenti untuk informasi dan komunikasi secara dua hala berkenaan kawalan pemajuan.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bangunan Sultan Alam Shah,
Jalan Perbandaran, 41675 Klang
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 3375 5555

Faks :+603 3372 0344

www.mpklang.gov.my

Hakcipta © 2018 Jabatan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Klang